



# یونیورسیتی کیٹساز ملیسیا

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
PEPERIKSAAN AKHIR  
SEMESTER I SESI AKADEMIK 2008-2009

IJAZAH SARJANAMUDA DENGAN KEPUJIAN

NOVEMBER 2008

MASA : 1 JAM 30 MINIT

KOD KURSUS : ZZZT3133

TAJUK KURSUS : FALSAFAH ALAM SEKITAR

- ARAHAN :
1. Kertas ini mempunyai Bahagian A dan B.
  2. Jawab SEMUA soalan dalam buku jawapan yang diedarkan.
  3. Jawab SEMUA soalan di BAHAGIAN A.
  4. Jawab SATU soalan sahaja di BAHAGIAN B.
  5. Jumlah markah keseluruhan kertas ini 40 markah.
  6. Kertas soalan tidak dibenarkan dibawa keluar dari Dewan Peperiksaan.

Kertas soalan ini mengandungi 2 muka surat bercetak, tidak termasuk muka surat ini.



MS ISO 9001 REG. NO. AR 2845

**BAHAGIAN A (20 MARKAH)****ARAHAN: Jawab SEMUA soalan.**

1. Bagaimanakah alam sekitar patut diuruskan menurut Ekofeminisme? (1 markah)
2. Bandingkan sikap di antara masyarakat Animisme dan Kolonial terhadap alam sekitar. (2 markah)
3. Mengapa agama penting sebagai landasan hidup manusia dalam berinteraksi dengan alam sekitar? (2 markah)
4. Nyatakan penjelasan anda tentang Ekosistem. (2 markah)
5. Apakah yang dimaksudkan dengan faktor-faktor terhad? (2 markah)
6. Nyatakan **SATU** bentuk penyelesaian terhadap masalah alam sekitar yang dapat ditawarkan oleh teknologi. (1 markah)
7. Mengapakah konsep Pembangunan Berterusan sangat penting untuk diambil kira dalam setiap aktiviti pembangunan? (2 markah)
8. Apakah perbezaan yang terdapat di antara ciri-ciri Pembangunan Ekonomi Konvensional dengan ciri-ciri Pembangunan Ekonomi Berterusan? (2 markah)
9. Mengapakah isu-isu alam sekitar seringkali dipolitikkan oleh golongan tertentu? (1 markah)
10. Bagaimanakah prosedur kelulusan dibuat ke atas laporan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA)? (1 markah)
11. Bagaimanakah penyelesaian kepada masalah alam sekitar melalui pendidikan dapat dicapai? (2 markah)
12. Nyatakan **SATU** punca berlakunya pencemaran udara. (1 markah)
13. Nyatakan **SATU** penyebab kepada *consumer society* atau *consumer culture*. (1 markah)

**BAHAGIAN B (20 MARKAH)****ARAHAN: Jawab SATU soalan sahaja.**

1. Bincangkan maksud menggunakan kebijaksanaan apabila berinteraksi dengan alam sekitar. (20 markah)
2. Bincangkan pengaruh teknologi ke atas alam sekitar. (20 markah)
3. Bincangkan tanggungjawab individu tentang etika kepenggunaan. (20 markah)

**'SELAMAT MAJU JAYA'**